

Yayasan Kepimpinan Perdana akan anjur Persidangan Keamanan

JM 17 JUN 2005
Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 16 Jun — Yayasan Kepimpinan Perdana akan menganjurkan Persidangan Keamanan pada akhir tahun ini bagi mengubah persepsi pemimpin-pemimpin dunia bahawa peperangan merupakan jalan terbaik bagi mengatasi sebarang masalah yang wujud sekarang.

Presiden Kehormatannya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, menjadi hasrat Yayasan Kepimpinan Perdana untuk mengubah persepsi pemimpin-pemimpin dunia dan mencari jalan terbaik bagi mengatasi sebarang masalah yang wujud sekarang.

“Pemimpin-pemimpin sekarang melihat peperangan merupakan jalan terbaik bagi mengatasi sebarang konflik dan masalah yang wujud di dunia.

“Persidangan Keamanan ini akan cuba mengubah persepsi pemimpin-pemimpin terbabit bahawa dengan mengisytiharkan peperangan, membunuh orang yang tidak bersalah tidak akan menyelesaikan sebarang

konflik yang wujud,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebagai tetamu kehormat pada majlis Dialog Pemim-

pin Global yang menjemput bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Jeneral (B) Colin Powell sebagai penyampai utama anjuran *BusinessWeek*, Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) serta Country Heights di sini malam ini.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke dan isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir menegaskan, Yayasan Kepimpinan Perdana mempunyai tanggungjawab untuk mengubah persepsi tersebut.

Sementara itu Powell dalam ucapannya menegaskan, dunia kini semakin aman dan merupakan tempat selamat untuk didiami.

Katanya, ini disebabkan tindakan AS menghapuskan banyak ancaman yang melanda dunia seperti pengganas.

“AS sejak berdekad-dekad lalu telah berusaha untuk menjadikan dunia tempat yang selamat untuk diduduki dengan mewujudkan kestabilan di setiap pelosok dunia,” katanya.

Tegasnya, setiap apa yang dilakukan oleh AS seperti menyerang Afghanistan dan Iraq merupakan usaha negara itu

untuk mewujudkan kestabilan di dunia.

Sementara itu semasa sesi dialog, Powell menegaskan, setiap kumpulan serantau seperti Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak harus mengeneipkan AS.

“AS mempunyai peranan penting di rantau ini dan tindakan mengeneipkan negara tersebut tidak boleh diterima.

Kestabilan

“AS telah berusaha untuk mewujudkan kestabilan politik dengan melakukan pelbagai perkara termasuk menempatkan anggota dan aset tentera bagi memastikan rantau ini selamat serta stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Dr. Mahathir yang mempersoalkan mengapa AS menentang usaha Malaysia dulu untuk mewujudkan EAEC.

Powell menambah, sekiranya sesebuah kumpulan serantau hendak diwujudkan jangan menolak sama sekali peranan yang boleh dimainkan oleh AS.